

Selamat Hari Guru

Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara

MINDA PENDIDIK

MOHD YUSOF ABDULLAH

Bersama:

Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said
Ambotang, Muhammad Suhaimi Taat
dan Roslee Tallip



SELURUH negara di dunia telah menetapkan tarikh paling istimewa untuk sambutan Hari Guru di negara masing-masing. Contohnya, Korea Selatan menetapkan sambutan Hari Guru pada 15 Mei, Thailand pada 16 Januari, India pada 5 September, manakala China menyambutnya pada 10 September. Malaysia memilih tarikh 16 Mei sebagai tarikh istimewa sambutan Hari Guru dan tahun ini merupakan sambutan kali yang ke-40 dengan tema Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara.

Melihat sahaja kepada tema tahun ini, jelas terbayang bahawa tugas guru semakin hari semakin mencabar dan kelihatannya akan terus mencabar. Kini, insan guru negara ini perlu memikul tugas sebagai penjana transformasi pendidikan sepertimana yang telah ditetapkan oleh negara. Dengan kata lain, apa sahaja perancangan pendidikan negara, insan guru tidak boleh terlepas dan dilepaskan daripada mengambil bahagian sepenuhnya dan melaksanakannya dengan sempurna.

Dengan bermulanya pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), cabaran kepada insan guru menjadi semakin hebat dan memerlukan komitmen padu insan guru supaya faham, cukup berpengetahuan dan berkemahiran semasa menjalankan tugas masing-masing. Jika tidak, apa sahaja rancangan yang akan dilaksanakan hanya memberi impak minimum dan sangat perlahan, kalau pun tidak, bakal mengundang kegagalan, membazirkan masa, tenaga dan wang rakyat. Secara khusus, pelaksanaan KSSR dilihat memerlukan komitmen dan kefahaman insan guru, bagi melaksanakan pelbagai program mengikut acuan yang ditetapkan agar transformasi pendidikan negara tercapai.

Tidak boleh dinafikan, pendidikan merupakan salah satu tool penting yang boleh menjadi wahana untuk mencapai matlamat membina

UB 18/05/2011 BA
modal insan minda kelas pertama, masyarakat berintegriti, bermoral dan beretika. Hal ini sudah pun jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang selama ini menjadi pegangan seluruh insan guru. Namun begitu, pada masa yang sama kita perlu bersifat terbuka dan mengakui bahawa peranan globalisasi dan peredaran zaman telah membawa kepada pelbagai perubahan dan cabaran baru. Oleh itu, tibalah masa untuk insan guru melihat semula proses pelaksanaan dan memperbaiki kelemahan yang wujud bagi memantapkan strategi dan pendekatan ke arah perubahan dan pembaharuan (pioneering change) dalam proses pendidikan negara secara menyeluruh.

Usaha ini sejajar dengan agenda membina modal insan minda kelas pertama yang digagaskan oleh pemimpin negara. Negara tidak boleh lagi menunggu untuk melakukan lonjakan berganda ke arah kecemerlangan pendidikan dan menjadikannya cukup relevan bukan sekadar memenuhi tuntutan globalisasi malah untuk membina keupayaan (capacity building) negara ini.

Umum cukup maklum, hari ini pendidikan tidak lagi sekadar untuk mencelikkan generasi buta huruf dan buta angka tetapi turut berperanan untuk mencelikkan generasi muda yang buta IT, buta jati diri, buta budaya, buta nilai dan budi bahasa serta adab sopan. Pendidikan tidak mencukupi sekadar menyiapkan generasi muda dengan ilmu pengetahuan yang berbentuk teori fizikal semata-mata, tetapi berkehendakkan generasi muda mempunyai kemampuan berfikiran di luar kotak, kemahiran bersifat hands on serta kemahiran interpersonal yang tinggi bagi menjamin kebolehpasaran (marketability) dan kebolehan hidup bermasyarakat mendepani cabaran masa depan yang penuh dengan cabaran.

Inilah tugas guru yang sungguh mencabar pada hari ini dan masa hadapan. Wajarlah, seluruh masyarakat perlu memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada insan guru di mana-mana sahaja kerana insan gurulah yang menyediakan "pelita dan lampu segala, untuk manusia sebelum menjadi dewasa" (Usman Awang,

1979). Negara beruntung, kerana insan guru tidak pernah melatah dan merintih, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang terkadang tidak masuk dek akal semasa melaksanakan tugas seharian, khususnya sekolah-sekolah di luar bandar. Janganlah dibenarkan mana-mana pihak mengambil kesempatan di atas penat lelah dan keperitan semua insan yang bernama guru ini. Berilah sedikit ruang kepada insan yang mulia ini untuk mengecapi hidup yang lapang dalam kehidupan yang penuh kesempatan ini.

Di manakah letaknya maruah seorang insan guru, jika anak murid boleh menuding jari dan mendakwa gurunya? Di manakah letaknya air muka seorang insan guru, jika ibu bapa boleh mengarah seorang insan guru meminta maaf di khalayak ramai? Fenomena ini tidak boleh berlaku kepada insan guru, khususnya di negara ini. Sedarkah kita, ketika menghadapi fenomena yang menghimpit ini, insan guru terus ditagih melakukan itu dan ini demi memenuhi aspirasi negara.

Ketika menghadapi keadaan yang menghimpit ini, insan guru juga perlu respons kepada agenda NKRA negara dalam bidang pendidikan. Guru wajib melakukan sesuatu yang mempunyai nilai tambah, khususnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam dan luar bilik darjah. Maka, insan guru tidak mempunyai pilihan lain selain "adapt and adopt" untuk menyahut cabaran negara. Walaupun bai'ah (new deal) dan pelbagai bentuk ganjaran disediakan ekoran sambutan Hari Guru 2011 kepada insan guru, namun sebenarnya tugas yang sungguh mencabar sedang menunggu mereka di hadapan.

Kesimpulannya, walaupun pelbagai rintangan menghalang, penulis cukup yakin bahawa seluruh insan guru negara ini akan terus menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya demi masa depan negara dan generasi muda walaupun di mana insan guru berada. Sesungguhnya kejayaan semua "sejarahannya dimulakan oleh seorang guru biasa" (Usman Awang, 1979).

* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah